

Runtuhan tanah tidak jejas struktur Empangan Kenyir

Kuala Berang: Runtuhan tanah yang menyebabkan fenomena kepala air di kawasan berdekatan Empangan Kenyir, tidak menjejaskan struktur empangan itu atau mengancam keselamatan penduduk.

Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Telemong, Datuk Rozi Mamat, berkata penilaian yang dilakukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendapati struktur empangan kekal utuh dan tidak mewujudkan sebarang risiko keselamatan kepada penduduk.

Beliau berkata, runtuhan tanah itu berlaku di luar kawasan empangan berikutan hujan keterlaluan sehingga menghanyutkan sisa hutan ke kawasan luar empangan.

“Runtuhan dan fenomena kepala air ini tidak mengancam keselamatan penduduk yang tinggal di beberapa kampung berhampiran empangan,” katanya.

Runtuhan yang berlaku beberapa hari lalu bagaimanapun

menyebabkan sebuah menara telekomunikasi tumbang, namun tidak menjejaskan struktur Stesen Jana Elektrik Sultan Mahmud (SJSM) di Kenyir.

Mengulas mengenai pembalakan, Rozi, yang juga Setiausaha Badan Perhubungan UMNO negeri berkata, hasil tinjauan dan pemantauan mendapati tidak pembalakan secara haram dilakukan di beberapa bukit di kawasan runtuhan.

“Tiada aktiviti pembalakan berlaku di beberapa bukit di kawasan runtuhan, terutama di luar kawasan empangan,” katanya.

Terdahulu beliau menyaksikan majlis penyerahan sumbangan 200 dapur dan pelbagai makanan asas oleh UMNO Bahagian Temerloh kepada mangsa banjir, di sini.

Penyerahan bantuan itu disampaikan Bendahari UMNO Bahagian Temerloh, Datuk Yusof Nong kepada Ketua Penerangan UMNO bahagian Hulu Terengganu, Baharuddin Bl Diah.



Yusof (tiga dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada Baharuddin untuk diagih kepada mangsa banjir di Hulu Terengganu, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)